

Akaun Telegram Saifuddin Abdullah pula digodam

08 Ogos 2022 11:56pm



Saifuddin memaklumkan perkara itu menerusi ciapan di Twitter.

KUALA LUMPUR - Akaun Telegram milik Menteri Luar, Datuk Seri Saifuddin Abdullah malam ini telah digodam oleh pihak tidak bertanggungjawab, beberapa jam selepas perkara sama berlaku terhadap akaun Telegram peribadi Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Saifuddin yang memaklumkan perkara itu menerusi ciapan di Twitter berkata, pihak yang menggodam akaunnya telah menyalahgunakan nama dan gambaranya melalui aplikasi itu.

"Sesiapa yang menerima sebarang mesej daripada Telegram dinasihatinya abaikannya dan laporkan kepada pihak berkuasa," menurut ciapan itu.

Petang Isnin, Ismail Sabri memaklumkan bahawa akaun Telegram miliknya telah digodam oleh individu tidak bertanggungjawab, dan meminta orang ramai menaqaibaikan mesej daripada akaun berkenaan. - Bernama